

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XIV)11**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS  
YB. LEE CHUN KIT**

11. Apakah perancangan kerajaan dalam penambahbaikan untuk program i-Sejahtera bagi melancarkan proses penerimaan bantuan?

**YB. PHEE BOON POH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

11. Program iSejahtera merupakan Program Kebajikan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang merangkumi enam (6) program keseluruhannya iaitu;
- (i) Program Penghargaan Warga Emas
  - (ii) Program Bantuan Ibu Tunggal
  - (iii) Program Anak Emas
  - (iv) Program Ibu Emas
  - (v) Program Bantuan Orang Kurang Upaya (OKU)
  - (vi) Program Sumbangan Jenazah

Sejak pelaksanaan Program iSejahtera pada tahun 2009, kaedah pembayaran bantuan kepada penerima bantuan adalah secara pilihan iaitu melalui kaedah tunai atau pindahan wang elektronik (EFT). Sebagai perancangan langkah menambah baik perkhidmatan pembayaran, Kerajaan Negeri menyasarkan pemberian bantuan secara EFT kepada semua penerima bantuan dengan menggalakkan pembukaan akaun bank bagi mereka yang layak.

Pembayaran secara tunai hanya akan dibenarkan bagi kes-kes terpencil sahaja seperti penerima yang telah diisytiharkan muflis dan akaun bank dibekukan. Langkah ini dirancang agar dapat memudahkan usaha penyaluran bantuan dengan cepat dan

selamat walaupun dalam keadaan yang sukar seperti insiden wabak penyakit dan bencana.

Pihak Kerajaan Negeri juga telah melaksanakan kaedah pemberitahuan secara *SMS blasting* dalam menyelaraskan pengumuman berkenaan program-program bantuan tersebut. Sebagai contoh, penerima-penerima bantuan akan mendapat teks pesanan *SMS* berkenaan tarikh bantuan dimasukkan ke dalam akaun penerima, ketetapan bagi pengambilan bantuan secara tunai, atau pembatalan tarikh pemberian bantuan kerana wabak penyakit.

Kerajaan Negeri, melalui inisiatif Pejabat Daerah dan Tanah, juga telah mengasingkan penerima-penerima bantuan kepada beberapa kumpulan dan pembayaran dilakukan mengikut minggu kepada kumpulan penerima yang telah ditetapkan. Inisiatif ini dilaksanakan untuk mengurangkan kesesakan dan masa beratur penerima bantuan.